



Jabatan  
**KEBAJIKAN**  
Masyarakat



## SIARAN MEDIA

### KPWKM RAI TETAMU ISTIMEWA

**SEREMBAN, 26 JUN** – Seramai 240 orang kurang upaya (OKU) diraikan dalam majlis berbuka puasa anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Dalam majlis itu juga, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim turut menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai kepada penghuni Taman Sinar Harapan (TSH) Tuanku Ampuan Najihah, penghuni Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Negeri Sembilan dan penghuni Bengkel Seri Seremban, Bengkel Seri Perkasa Johol serta Bengkel Mini Desa Rembau dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 12,000.00.

“Majlis yang dianjurkan ini adalah untuk meraikan mereka yang kurang bernasib baik di samping dapat berkongsi kegembiraan bersama menyambut Ramadhan dan tidak lupa juga kepada pegawai dan kakitangan yang selama ini menyumbang bakti menjaga mereka sepanjang berada di sini,” katanya kepada pemberita ketika merasmikan Majlis Semarak Sinar Ramadhan 1436 Hijrah di TSH Tuanku Ampuan Najihah, Seremban, hari ini.

KPWKM juga turut meraikan lebih 250 warga JKM Negeri Sembilan dan juga media yang hadir bertujuan untuk mengeratkan hubungan bersama warga kerja di peringkat negeri, daerah dan institusi serta media tempatan.

Bagi mempertingkatkan kesejahteraan OKU, kerajaan sentiasa memastikan dan menjamin semua OKU yang berdaftar dapat menikmati keistimewaan dan kemudahan yang disediakan seperti elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja, pemberian Geran Pelancaran, Bantuan Alat Tiruan dan Sokongan, Perkhidmatan Institusi

OKU dan juga perkhidmatan *Job Coach* sebagai salah satu inisiatif sokongan pekerjaan kepada OKU.

“Dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK 11) perjuangan kepada nasib golongan OKU sama sekali tidak dilupakan malahan pelbagai program telah dirancang untuk memberi kesejahteraan kepada OKU,” tambah beliau lagi.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg Dato’ Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWK, YBrs Encik Azman Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWK, YBhg Dato’ Hj Zulkipli B Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YBhg Dato’ Munirah Abdullah Bajanuddin, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Pegawai-pegawai Kanan KPWK dan JKM.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 6, 9-18, No. 55  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Putrajaya  
No.Telefon : 019-2333110 (Haneem) / Laila (012-3768760)  
Tarikh dikeluarkan : 26 Jun 2015